

Intervensi Pembelajaran di Portal e-Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram Berdasarkan Model Lima Fasa Needham

Learning Intervention in e-Learning Portal Through WhatsApp and Telegram Based on Needham Five Phase Model

Syed Lamsah Syed Chear^{a*}, Muhamad Yusoff Mohd Nor^b

^aFakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, 45600 Bestari Jaya, Selangor, Malaysia

^bFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Editor:

Priyalatha Govindasamy, PhD

Anonymous Reviewers:

Dua orang

Abstrak

Portal e-Pembelajaran telah menjadi sebahagian daripada medium pembelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan kepentingannya sama seperti menghadiri kuliah, tutorial, kerja makmal, pembentangan tugas, rujukan ke perpustakaan, lawatan luar termasuk latihan industri, praktikum dan seumpamanya. Sebaliknya aktiviti seharian para pelajar pada masa kini terlalu berkait dengan media sosial yang bersifat lebih interaktif dan berinformasi. Objektif utama kajian ini adalah untuk meningkatkan keupayaan pensyarah menghasilkan bahan pembelajaran berasaskan media digital dan penyertaan pelajar di portal e-Pembelajaran melalui intervensi di saluran WhatsApp dan Telegram berdasarkan model Lima Fasa Needham (1987). Kajian tindakan ini berpandukan model Kemmis dan McTaggart (1988) yang melibatkan sekumpulan pelajar program Sarjana Muda Pendidikan (SMP) di sebuah universiti swasta. Dapatan kajian menunjukkan intervensi di saluran WhatsApp dan Telegram berjaya meningkatkan penyertaan pelajar dan variasi bahan pembelajaran berbentuk media digital di portal e-Pembelajaran. Pendekatan konstruktif model Lima Fasa Needham memberi kesan terhadap tahap intelektual dan sahsiah pelajar di media sosial. Institusi disaran membangunkan dasar serta menyediakan fasiliti pembelajaran yang lebih komprehensif sekiranya model ini ingin diaplikasi untuk tujuan penilaian.

Kata Kunci: Portal e-Pembelajaran; intervensi WhatsApp dan Telegram; Model Lima Fasa Needham

Abstract

E-Learning portal has become part of learning medium in Higher Education Institutions (HEI's) and is considered as equally important as attending lectures, tutorials, laboratory works, seminars, visiting library, fieldworks including teaching practicum or industrial attachment. The daily activities of the students are now overconnected with more interactive and informative social media. The main objective of this study is to enhance the lecturers ability to produce digital media-based learning materials and students participation in e-Learning portal through the intervention of WhatsApp channels and Telegram based on the five-phase Needham model (1987). This action study is guided by the Kemmis and McTaggart model (1988) involving a group of undergraduate education (SMP) students in a private university. The study showed that intervention in WhatsApp and Telegram channels successfully increased student inclusion and a variety of learning materials in the form of digital media in the e-Learning portal. The five phase Needham model constructive approach affects the intellectual level and personality of students in social media. The institution need to develop comprehensive policy and provide better teaching facilities if to adopt its for learning evaluation purpose.

Keywords: e-learning portal; WhatsApp and Telegram intervention; Needham Five Phase model

1. Pengenalan

Portal e-Pembelajaran telah menjadi sebahagian daripada medium pembelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan kepentingannya sama seperti menghadiri kuliah, tutorial, kerja makmal, pembentangan tugas, rujukan ke perpustakaan, lawatan luar dan seumpamanya. Aktiviti seharian para pelajar masa kini sebaliknya terlalu berkait dengan media sosial yang bersifat lebih interaktif dan berinformasi. Terma e-Pembelajaran membawa pelbagai maksud, iaitu pembelajaran dalam talian, elektronik, sumber web dan sebagainya dan topik ini mendapat perhatian di IPT Malaysia (Mohd Salleh, 2008). Kajian melibatkan 30 IPT Malaysia menunjukkan hanya 16 IPT (38.5%) mempunyai polisi dan 11 daripadanya mewajibkan pelaksanaan 70% e-Pembelajaran (Embi, 2011). Ketiadaan insentif dan kekurangan staf disebutkan sebagai antara kekangan utama pelaksanaan e-Pembelajaran. Walaupun majoriti pensyarah (73.5%) mengatakan aktiviti berkaitan e-Pembelajaran semakin meningkat tetapi maklum balas pelajar menunjukkan sepertiga (37.7%) akses kepada pembelajaran dalam talian sekali seminggu dan majoriti bergantung kepada capaian internet percuma (63.5%). IPT Malaysia terdiri daripada 20 Universiti Awam; 513 Universiti, Kolej Universiti dan Kolej Swasta; 34 Politeknik dan 93 Kolej Komuniti. Pendidikan tinggi di Malaysia dijangka menuju 70% pembelajaran teradun menjelang tahun 2025 (Tapsir, 2016). Hasrat ini memerlukan komitmen semua pihak terutama di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTs) yang berorientasikan imbalan kewangan dalam melaksanakan apa jua strategi dan pendekatan pembelajaran. E-Pembelajaran di IPTs menawarkan dua perspektif yang bertentangan tetapi saling berkait, iaitu untuk mendorong peningkatan enrolmen melalui manipulasi minat generasi muda terhadap media sosial dan cabaran membangunkan sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan internet yang berkesan.

2. Pernyataan Masalah

Hasrat kerajaan untuk melaksanakan pembelajaran teradun di IPT perlu bermula dengan menerapkan kesedaran dan kefahaman di kalangan pensyarah kerana mereka hanya akan terdorong melaksanakan e-Pembelajaran sekiranya diyakini ianya bermanfaat (Haron, Abbas & Abd Rahman, 2012). Kalangan pelajar juga dikatakan kecewa apabila portal e-Pembelajaran tidak menyamai media sosial seperti Facebook, Youtube, WhatsApp, Twitter atau Instagram yang telah biasa digunakan (Attaran & Zainuddin, 2018). Situasi ini membayangkan keberkesanan pembelajaran teradun belum dapat dikatakan sebagai berjaya sepenuhnya. Senario yang sama terjadi di institusi kajian. Pensyarah terikat dengan dasar institusi untuk mewujudkan pembelajaran teradun yang mewajibkan 30% penggunaan portal e-Pembelajaran, manakala para

pelajar lebih tertarik kepada aplikasi media sosial. Permasalahan ini memberi dorongan kepada pengkaji untuk memperkenalkan intervensi di media sosial, iaitu WhatsApp dan Telegram sebagai pencetus pembelajaran untuk meningkatkan penglibatan pelajar di portal e-Pembelajaran.

3. Objektif Kajian

Objektif utama kajian adalah untuk meningkatkan keupayaan pensyarah menghasilkan material interaktif dan penyertaan pelajar di portal e-Pembelajaran melalui intervensi di platform WhatsApp dan Telegram berdasarkan model Lima Fasa Needham (1987). Kajian ini juga bertujuan untuk membimbing pelajar agar bertindak lebih ilmiah dan berhemah apabila menyertai media sosial.

4. Persoalan Kajian

Rasional kajian didokong oleh aspirasi institusi untuk meningkatkan keberkesanan PdP di portal e-Pembelajaran agar ianya setimpal dengan pelaburan pembangunan fasiliti teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta kepentingan pencapaian hasil pembelajaran. Persoalan yang ingin dijawab melalui kajian ini adalah:-

- (i) Adakah pensyarah berupaya membangunkan variasi material pembelajaran untuk dimuat naik di portal e-Pembelajaran?
- (ii) Bagaimanakah intervensi pembelajaran di platform WhatsApp dan Telegram dapat meningkatkan penyertaan pelajar di portal e-Pembelajaran?
- (iii) Adakah pendekatan konstruktif melalui model Lima Fasa Needham dapat meningkatkan intelektual dan personaliti pelajar di media sosial?

Kejayaan melaksanakan tindakan-tindakan yang disasarkan di atas dianggap sebagai inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk diamalkan oleh pengkaji.

5. Tinjauan Literatur

5.1 e-Pembelajaran di IPT

Portal e-Pembelajaran di IPT Malaysia dirujuk dengan terma yang berbeza-beza. Sebagai contoh, sistem pengurusan pembelajaran di Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dinamakan sebagai MyLMS, MMLS di Universiti Multimedia Malaysia (MMU), UNIEC Virtual di Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), WawasanLearn dan Wawasan2u di Universiti Terbuka Wawasan (WOU). Paradigma e-Pembelajaran telah berubah dan kini ia lebih bersifat konstruktif dan kolaboratif (Stern, t.th). Tiga dimensi e-Pembelajaran adalah manusia, teknologi dan perkhidmatan (Aparicio, Bacao & Oliveira, 2016). Terdapat beberapa model pembelajaran dalam talian antaranya dikemukakan oleh Garrison, Anderson dan Archer (2000), Siemens (2004) dan Harasim (2012).

Tanpa disadari teknologi mudah alih, objek pembelajaran digital, jaringan pembelajaran peribadi (PLN) dan artifak lain telah mengubah suasana bilik darjah menjadi tidak seperti dahulu (Borba et al., 2016). Picciano (2017) mencadangkan model integrasi dinamakan *Multimodal Model for Online Education*, iaitu gabungan pengajaran bersemuka dan dalam talian yang kini semakin dominan di semua peringkat pendidikan.

Penuntut-penuntut di IPT Malaysia memiliki kemahiran teknologi dan bersedia mengikuti pembelajaran teradun namun mereka tidak yakin terhadap pembelajaran sendiri dan memerlukan bimbingan (Adams, Sumintono, Mohamed & Mohamad Noor, 2018). Daud (2017) membuktikan e-Pembelajaran yang diintegrasikan dengan strategi pengajaran berdasarkan model Konstruktivisme Lima Fasa (Nedham, 1987) dan e-moderating (Salmon, 2000) dapat meningkatkan prestasi pelajar. Terdahulu Haron, Abbas dan Abd Rahman (2012) mendapati tahap penerimaan kalangan staf akademik terhadap e-Pembelajaran adalah rendah dan ia berkait dengan tahap kesedaran dan kefahaman mereka terhadap kegunaan sistem, matlamat pembelajaran dan teknologi pendidikan. Pensyarah hanya akan terdorong melaksanakan e-Pembelajaran sekiranya mereka yakin teknologi tersebut memberi manfaat. Beberapa faktor dikenal pasti mempengaruhi penerimaan penuntut-penuntut terhadap e-Pembelajaran. Antaranya tanggapan kebergunaan, tanggapan mudah guna, ciri-ciri pensyarah, kualiti sistem, kualiti maklumat, dan sokongan teknikal (Umbit & Taat, 2016). Sifat sendiri pelajar merupakan antara faktor paling signifikan untuk menjayakan e-Pembelajaran (Mohd Najib, Abu Bakar & Othman, 2017). Penerimaan e-Pembelajaran di kalangan pelajar pascasiswazah juga didapati berbeza bahagi (Attaran & Zainuddin, 2018). Para pelajar berpendapat kandungan seperti maklumat kursus dan *powerpoint* yang dimuat naik sesetengahnya tanpa sebarang penerangan atau arahan. Ini menyebabkan mereka kecewa ia tidak menyamai media sosial yang telah biasa digunakan. Pada peringkat makro, kegagalan e-Pembelajaran disebabkan oleh kelemahan infrastruktur teknologi dan aspek kemahiran mengajar di kalangan pendidik, sikap buruk pelajar dan pengajar serta ketiadaan integrasi antara aplikasi mudah alih dengan sistem e-Pembelajaran di universiti (Kaliisa & Pichard, 2017). Kajian-kajian di atas menggambarkan bahawa keberkesanan pembelajaran teradun dalam meningkatkan kualiti PdP serta pencapaian hasil pembelajaran belum dapat dikatakan sebagai berjaya sepenuhnya. Masih terdapat ruang yang perlu diperbaiki terutamanya untuk meningkatkan komunikasi dan interaksi sesama pelajar bagi pembelajaran berkumpulan dan sendiri.

5.2 Pembelajaran teradun melalui telefon mudah alih

Pemilikan telefon mudah alih di kalangan pelajar IPT Malaysia disadari bermula pada tahun

2008 dan ianya beralih kepada telefon pintar pada tahun 2013. Sejak tahun 2010 telah terdapat kesedaran di kalangan pelajar akan kepentingan telefon mudah alih dalam aktiviti pembelajaran (Mohd Suki & Mohd Suki, 2010) dan terus meningkat (Che Kob, Kannapiran, Shah & Arasinah, 2017; Marwan, Mada & Fuad, 2013; Raja Harun & Subramaniam, 2013). Namun penggunaannya dalam konteks pembelajaran terancang adalah minimum (Song, Murphy & Farley, 2013) dan disyorkan agar lebih perhatian diberi terhadap pembangunan kerangka e-Pembelajaran, pembangunan perisian dan penerimaan pelajar (Masrom, Nadzari & Zakaria, 2016). Kajian oleh Ismail, Azizan dan Gunasegaran (2016) menunjukkan para pelajar di Universiti Awam masih tidak pasti untuk terlibat dengan kaedah pembelajaran menggunakan telefon mudah alih. Ketika ini pelajar IPT Malaysia masih kurang selesa untuk mengikuti pembelajaran menggunakan telefon mudah alih (Shuib, Azizan & Ganapathy, 2018). Walaupun mereka mengetahui manfaatnya namun tahap kesediaan mereka untuk terlibat dengan pembelajaran adalah rendah dan mengaitkannya kepada isu kos serta keraguan akan keberkesanan pembelajaran. Halangan-halangan penggunaan telefon mudah alih sememangnya disadari (Nik Mohammad, Mamat & Mohd Isa, 2011). Antaranya adalah saiz storan, memori serta kuasa bateri yang terhad di samping keupayaan untuk mengikuti keseluruhan pembelajaran dan berkongsi maklumat di kalangan pelajar (Al-Arabiati, Wan Ahmad & Sarlan, 2015) dan gaya pembelajaran berbeza individu dewasa (Safie, Mohd Arshad & Idris, 2017).

Tidak dapat dinafikan penggunaan aplikasi mudah alih semakin meluas dan ia turut mempengaruhi aktiviti pendidikan. Saluran media sosial seperti sistem pesanan ringkas (sms), Facebook dan sebagainya mampu meningkatkan keberkesanan PdP (Barreh & Abas, 2015) dan boleh disesuaikan dengan keperluan portal dalaman seperti e-Portfolio dan sebagainya (Md.Ghalib, Sahrir, Daud, Hassan & Mohin, 2014). Manfaat pembelajaran melalui teknologi mudah alih adalah ia memberi fokus kepada mobiliti pelajar, strategi pembelajaran, persekitaran situasi dan kesedaran berkumpulan secara maya (Jeng, Wu, Huang, Tan & Yang, 2010). Ia dianggap sebagai pembelajaran masa hadapan pada peringkat pendidikan tinggi (Ally & Prieto-Blazquez, 2014). Namun terdapat kajian menunjukkan ia tidak memberi kesan prestasi (Grenier, 2018; Ng, Che Hassan, Mohammad Nor & Abdul Malek, 2017) dan terdapat pelajar yang menerima dengan baik tetapi terdapat juga yang menderita dan kecewa (Xue, Zhang & Luo, 2017). Pengkaji-pengkaji mencadangkan agar perhatian diberikan kepada usaha untuk membangunkan strategi penyampaian yang sesuai dan berkesan. Figueredo & Villamizar (2015) mengemukakan model 6-peringkat manakala Sung, Chang dan Liu (2016) mencadangkan eksperimen untuk meningkatkan keupayaan pengajar

menggunakan aplikasi mudah alih, kandungan pengajaran, kaedah pengajaran, dan matlamat pengajaran. Pembelajaran melalui aplikasi mudah alih akan memberi lebih kesan positif terhadap keupayaan kognitif pelajar sekiranya ia turut meningkatkan motivasi pelajar (Buchori et al., 2017), tetapi sekiranya tidak dirancang ia akan menjadi gangguan sekali gus memberi kesan negatif kepada pembelajaran (Pedro, Barbosa & Santos, 2018).

5.3 Model Lima Fasa Needham

Pembelajaran konstruktif berdasarkan model Lima Fasa Needham telah dilakukan dalam pelbagai bidang teknikal (Lee, Mat Yusoff, Tan & Lim, 2019; Mohd Hashim & Kasbolah, 2012) dan sains sosial (Akpan & Beard, 2016; Mat Jasin & Shaari, 2012; Nair & Muthiah, 2005) di peringkat sekolah dan pendidikan tinggi. Teknik ini dikatakan berkesan untuk kumpulan pelajar lemah akademik yang perlu didedahkan dengan pelbagai teknik pembelajaran (Jamaludin & Zaidatun, 2003). Pendekatan pembelajaran teori konstruktivisme berteraskan kepada strategi untuk mendorong pelajar terlibat aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia merupakan proses mendapatkan ilmu pengetahuan daripada pengalaman yang dilalui dan bersangkutan dengan pengetahuan sedia ada (Driver & Bell, 1985). Pelajar seterusnya diharapkan dapat mengintegrasikan dan mengaplikasikan pengetahuan tersebut ke dalam situasi baru (Briner, 1999). Menurut teori konstruktivisme, konsep-konsep yang dibina pada struktur kognitif seseorang akan berkembang dan berubah apabila ia mendapat pengetahuan atau pengalaman baru khususnya untuk pembelajaran yang berlandaskan kepada konsep dan fakta (Nair & Muthiah, 2005). Ia berlaku melalui proses yang disebut sebagai analogi, penalaan, pengayaan dan penambahbaikan (Gagne, Yekovich & Yekovich, 1993; Rumelhart & Norman, 1978). Model ini terdiri daripada lima fasa, iaitu fasa orientasi, fasa pencetus idea, fasa penstrukturan semula idea, fasa aplikasi idea dan fasa refleksi. Pendekatan konstruktivisme bermula dengan aktiviti untuk menggalakkan proses inkuiri di kalangan pelajar agar mereka dapat memberi cetusan-cetusan idea, membuat hipotesis dan berupaya untuk merancang aktiviti pembelajaran seterusnya. Pada peringkat ini para pelajar didorong untuk membuat perkaitan antara topik sebelum dan telah dipelajari, mengaitkannya kepada kehidupan seharian dan akhirnya dengan sendiri berkeupayaan untuk membuat ilustrasi keseluruhan proses pembelajaran (Abd Halim & Kamarudin, n.d.).

5.4 Rumusan

Pengiktirafan kerajaan terhadap pengendalian kursus-kursus dalam talian secara terbuka dan percuma (MOOCs) yang dinyatakan melalui beberapa dasar, warta dan pekeliling menunjukkan akan kepentingan pembelajaran dalam

talian perlu segera dilaksanakan di IPT Malaysia. Pembelajaran teradun melalui aplikasi mudah alih diketahui semakin mendapat perhatian. Pendekatan konstruktif melalui model Lima Fasa Needham (1987) dalam pembelajaran dapat membantu kalangan pelajar mengikuti pengajian dengan lebih sistematik terutama bagi kalangan mereka yang lemah akademik. Ia bukan sahaja dapat melibatkan pelajar dalam proses pembelajaran malah aplikasi dalam persekitaran kehidupan seharian.

6. Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan mengikut model Kemmis dan McTaggart (1988). Kajian ini terfokus daripada pemerhatian terhadap isu dan masalah yang dikenal pasti daripada amalan PdP terdahulu. Pertimbangan untuk melakukan kajian telah mengambil kira peraturan-peraturan di peringkat institusi, keupayaan pengkaji serta latar belakang para pelajar. Sebagai permulaan, tinjauan dilakukan terhadap kalangan pelajar untuk mengetahui pengalaman pembelajaran menggunakan portal e-Pembelajaran. Pengkaji mendapatkan keterangan aspek teknikal portal e-Pembelajaran dan berbincang dengan Ketua Jabatan untuk mendapatkan senarai penawaran kursus serta perincian silibus. Pengkaji kemudiannya melaksanakan pengkuliahan, e-Pembelajaran serta intervensi menggunakan WhatsApp dan Telegram. Pengkaji menganalisa keberkesanan intervensi dan membuat refleksi termasuk mempertimbangkan pandangan para pelajar sebelum tindakan-tindakan baharu dilaksanakan untuk gelung kedua kajian.

6.1 Reka bentuk kajian


Reka bentuk kajian melibatkan tiga aktiviti, iaitu pengkuliahan, cetusan di WhatsApp dan Telegram dan portal e-Pembelajaran. Perbincangan, kuiz dan pembentangan dilakukan pada minggu tertentu. Aktiviti di portal e-Pembelajaran antaranya memuat naik dan memuat turun nota kuliah, forum dan tugasan. WhatsApp dan Telegram dijadikan sebagai pencetus pembelajaran melalui pelbagai hantaran yang mengandungi berita, gambar, video dan sebagainya. Amnya saluran WhatsApp adalah saluran komunikasi bebas sesama pelajar dan pensyarah manakala Telegram untuk memuat naik atau memuat turun material yang berkaitan dengan pembelajaran. Kerangka konsep PdP ditunjukkan di Rajah 1 manakala intervensi di Rajah 2.

6.2 Pemilihan peserta dan etika kajian


Berdasarkan kepada Rauch, Stefan dan Posch (2019) kajian ini merupakan kajian tindakan pendidikan tahap pertama, iaitu hanya melibatkan pengkaji sebagai seorang guru dan para pelajar dalam kelas yang sama. Pada tahap yang lebih tinggi ia melibatkan sekumpulan guru daripada jabatan tertentu seterusnya keseluruhan sebuah fakulti dan universiti. Kajian kajian bersifat pedagogi yang dilakukan oleh pengkaji mematuhi dasar universiti yang

menggalakkan staf akademik untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam talian dan menurut Lindsay, Breen dan Jenkins (2002) ia merupakan kelaziman di institusi pendidikan tinggi. Penyertaan pelajar adalah tidak diwajibkan kerana pelaksanaan kajian ini memerlukan pelajar memiliki peralatan komunikasi seperti telefon pintar dan capaian internet yang kemungkinan tidak semua pelajar memilikinya. Oleh yang demikian sebarang aktiviti yang dilakukan dalam kajian ini diberi pertimbangan sewajarnya agar tidak menjejaskan proses penilaian pelajar. Pengkaji mematuhi etika kajian seperti dilaksanakan oleh Yasmeen (2008), iaitu memberi taklimat awal kepada pelajar berkaitan objektif dan prosedur kajian. Ia adalah untuk memastikan para pelajar menyedari

peranan mereka sebagai rakan penyelidik untuk menambah baik amalan sedia ada. Bagaimanapun sebagai langkah berjaga-jaga untuk memastikan maklum balas peserta kajian, iaitu para pelajar adalah selari dengan matlamat dan objektif kajian, maka pengkaji mengadakan perbincangan secara berkala dengan pensyarah pakar (penyelia projek) seperti mana diingatkan oleh Entwistle dan Tait (1990), dan Shevlin, Banyard, Davies dan Griffiths (2000). Peserta kajian turut didedahkan dengan informasi daripada amalan dan kajian-kajian terdahulu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka sebagai peserta dan penyelidik bersama seperti mana disarankan oleh Norton (2009).



Rajah 1. Kerangka konsep PdP melibatkan pengkuliahan, intervensi WhatsApp & Telegram dan dokumentasi di portal e-Pembelajaran.



Rajah 2. Intervensi di platform WhatsApp & Telegram (adaptasi model Lima Fasa Needham).

6.3 Sampel kajian

Kajian melibatkan pelajar program Sarjana Muda Pendidikan (B.Ed) yang mengikuti kursus-kursus wajib bidang, iaitu Falsafah Pendidikan, Pendidikan Global & Antarabangsa, dan Pengurusan dan Pentadbiran bagi tempoh antara September 2018 sehingga Jun 2019. Ketiga-tiga kursus dipilih kerana ia ditawarkan di setiap semester sekali gus memungkinkan kajian dilakukan. Pengkaji adalah pensyarah dan p... eISSN 0128/ Vol 1 No 1/2020 (11-27)

6.4 Instrumen kajian

Instrumen kajian adalah minimum dan terhad kepada proses yang berkait dengan aktiviti PdP, iaitu:-

- (i) Portal e-Pembelajaran di institusi yang digunakan oleh staf akademik dan pelajar.
- (ii) Borang soal selidik dalam talian, iaitu *google.form* yang diedarkan kepada kumpulan pelajar yang termasuk dalam sasaran kajian.

6.5 Kaedah analisis

Perubahan tingkah laku atau situasi yang ingin dikesan bertumpu kepada (i) kesediaan dan keterbukaan pelajar di media sosial (WhatsApp dan Telegram), dan (ii) jumlah interaksi/input pelajar di portal e-Pembelajaran. Pemerhatian melibatkan analisis kuantitatif mudah, iaitu frekuensi dan peratusan untuk mengukur jumlah interaksi pelajar di portal e-Pembelajaran, dan analisis kualitatif terhadap tingkah laku yang dipamerkan pelajar di media sosial.

7. Pelaksanaan Kajian dan Dapatan Kajian

7.1 Tinjauan awal masalah

Institusi kajian merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf universiti milik kerajaan negeri pertama ditubuhkan, iaitu pada tahun 1999. Universiti ini menawarkan hampir 100 program secara konvensional mencakupi bidang kejuruteraan, sains komputer, perniagaan dan perakaunan, bioperubatan, seni visual, komunikasi dan pendidikan. Perkhidmatan dalam talian yang disediakan adalah Sistem Maklumat Pelajar (e-Bestari), Sistem Pengurusan Akademik (OMES), e-Student Portal, e-Staff Portal, e-Hostel Portal dan i-Convo. Pada awal tahun 2019, *Total Campus Managemet System* (TCMS) diperkenalkan menggantikan sistem perkhidmatan dalam talian sedia ada. Portal e-Pembelajaran di universiti ini diperkenalkan pada April 2014 untuk menambah baik aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui medium teknologi web. Universiti ini menyasarkan 80% staf akademik menggunakan aplikasi e-Pembelajaran menjelang tahun 2016. Dilaporkan pada

awal tahun 2018, lima jabatan mencapai sasaran, iaitu pengkomputeran (100%), sains kesihatan (100%), pengajian asas (95%), bioteknologi (94%) dan kejuruteraan (84%); manakala empat jabatan, iaitu pendidikan dan sains sosial (77%), perniagaan dan perakaunan (67%), komunikasi (58%) dan seni visual (30%) di bawah sasaran (Universiti Selangor [UNISEL], n.d.).

Penggunaan portal e-Pembelajaran merentasi eISSN 0128/ Vol 1 No 1/2020 (11-27) adalah 78% dan terdapat jurang besar antara beberapa fakulti. Ia menimbulkan persoalan terhadap kesediaan staf akademik dan pelajar menggunakan portal e-Pembelajaran serta keupayaan universiti menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang diperlukan. Sebagai contoh di fakulti terbesar seperti Pendidikan dan Sains Sosial hanya 49 atau 77% daripada 64 kursus yang ditawarkan menggunakan portal e-Pembelajaran. Pencapaian seperti ini adalah kurang memuaskan kerana pembelajaran dalam talian dianggap sebagai strategi pembelajaran masa hadapan (Arkorf & Abaidoo, 2014; Goyal, 2012; Jethro, Grace & Thomas, 2012) dan turut dikaitkan sebagai elemen kebolehpasaran graduan (Cerde & Sellens, 2014; Singh & Singh, 2017). Tinjauan terhadap 172 pelajar program Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) mendapati mereka menerima baik inisiatif pensyarah menggunakan portal e-Pembelajaran, iaitu maklum balas yang seakan sama dengan dapatan kajian Al-Rahmi, Othman & Yusof (2015) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Namun hampir separuh (49.4%) menyatakan ketidakselesaan. Antara sebab-sebab yang dinyatakan adalah:-

- (i) Pendekatan pengajaran (pedagogi) yang sukar diikuti dan tiada kepelbagaian (28.2%). Pelajar tidak jelas dengan arahan yang diberikan dan pertanyaan yang dikemukakan kepada pensyarah lambat mendapat maklum balas.
- (ii) Reka bentuk portal (teknologi) tidak mesra pengguna. Sebagai contoh, *forum & assignment* kurang melibatkan interaksi sesama pelajar dan pensyarah (22.4%). Pelajar memohon supaya diadakan *notification* daripada portal e-Pembelajaran kepada telefon mereka apabila terdapat nota masuk dan sebagainya.
- (iii) Capaian *wifi* yang tidak memuaskan menyebabkan proses memuat turun dokumen lambat dan tidak sempurna. Terdapat kes pelajar tidak dapat menjawab ujian dan menyertai perbincangan dalam talian kerana capaian *wifi* yang lemah (15.3%).
- (iv) Dokumen yang dimuat naik tidak lengkap dan tidak mencukupi (16.5%).
- (v) Pelbagai isu lain yang sukar difahami maksudnya dan tiada kaitan dengan konteks e-Pembelajaran (17.6%).

7.2 Pelaksanaan Kajian Tindakan (Gelung Pertama)

Gelung Pertama adalah merujuk kepada (P1) Peringkat 1 - Proses induksi, akses dan motivasi, (P2) Peringkat 2 – Panduan interaksi sosial dalam talian, dan (P3) Peringkat 3 – Perkongsian maklumat. Aturan kajian tindakan berdasarkan Gelung 1 dan Gelung 2 ditunjukkan di Rajah 3.


• Peringkat 1 - Proses induksi, akses dan motivasi

Latar belakang pelajar


Kajian ini melibatkan 171 pelajar, iaitu 53 tahun pertama, 65 tahun kedua dan 53 tahun ketiga. Didapati lebih daripada 70% pelajar telah memiliki telefon sejak 5 tahun lalu. Sebilangan besar memiliki telefon berharga RM500 – RM1000 (41%) dan RM1000 – RM1500 (30%). Keupayaan menanggung caj bulanan adalah berbeza-beza, iaitu lebih RM100 (8.2%), RM51-RM100 (25%), RM30-RM50 (40.4%) dan kurang RM30 (26.3%). Aplikasi popular pilihan pelajar adalah WhatsApp (94.7%), Instagram (81.3%), YouTube (54.4%), Facebook (30.4%) dan Twitter (29.2%). Rata-rata para pelajar mengakui mempunyai kemahiran menggunakan portal e-Pembelajaran, iaitu Sangat Mahir (23.4%), Mahir (48.5%) dan Sederhana

(28.1%). Walaupun para pelajar mengakui bahawa portal e-Pembelajaran membantu proses pembelajaran namun mereka juga berpendapat terdapat pelbagai kelemahan dan kekurangan semasa menyertai aktiviti pembelajaran di portal e-Pembelajaran. Antaranya adalah tiada interaksi bersemuka (45.7%), kurang material tambahan daripada pensyarah (15.2%), tidak fleksibel/keterangan terhad (14.6%), faedah pembelajaran tidak seimbang antara pelajar sekumpulan (8.6%) dan sebagainya. Kekurangan atau kelemahan ini menjadi dorongan kepada pengkaji untuk memperkenalkan intervensi melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram sebagai cetusan pembelajaran.

Objektif tindakan pada P1 adalah untuk mengenali latar belakang pelajar dan membimbing mereka mengikuti pembelajaran menggunakan aplikasi mudah alih. Para pelajar disaran untuk menggunakan kaca mata (*reading glass*), laptop (WhatsApp/Telegram web) dan seumpamanya mengikut kesesuaian masing-masing. Pengkaji membimbing para pelajar membina profil diri yang sesuai agar mudah diterima oleh rakan-rakan. Gambar yang besar dan ringkas seperti di Rajah 4 memudahkan pengenalan diri.



Rajah 3. Aturan kajian tindakan adaptasi model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (1987).




Rajah 4. Contoh profil pelajar di skrin HP sebelum (kanan) dan semasa berada di group WhatsApp & Telegram (kiri). Bandingan K20G1 Ainiazizi dan K20G1 Nur Akilah.

Bagi tujuan pelarasan dan memudahkan rujukan, pengkaji menyimpan (*save*) nama-nama pelajar secara sistematik seperti di Rajah 5 mengikut kod semester untuk memudahkan rujukan. Kaedah ini adalah untuk menggalakkan para pelajar bersikap terbuka untuk mengenali antara satu sama lain di dalam kumpulan yang diwujudkan serta menghalang ahli kumpulan mengasingkan diri atau membuat hantaran yang tidak bersesuaian. Di peringkat P1, pengkaji turut memberi fokus terhadap aktiviti induksi untuk pelajar lebih mengenali antara satu sama lain. Pengkaji telah meminta ahli kumpulan untuk menceritakan latar belakang atau personaliti masing-masing. Bagaimanapun bagi tujuan kawalan pengkaji menetapkan bahawa maklumat yang dimuat naik hendaklah berkaitan dengan proses pembelajaran secara langsung atau tidak langsung, tidak sensitif

atau bersifat provokasi dan pengenalan diri yang dimuat naik bertujuan memberi motivasi kepada diri sendiri dan rakan-rakan. Rata-rata para pelajar menyambut baik inisiatif dan mula memahami dan menghargai antara satu sama lain. Penerapan nilai kebersamaan adalah untuk mewujudkan sikap kerjasama dan saling membantu sepanjang tempoh kajian tindakan ini.

Rumusannya pada peringkat P1 pengkaji berjaya membina sistem log masuk dan pengenalan diri serta memastikan semua pelajar merasa selesa dan harmoni. Pengkaji memberi motivasi kepada pelajar serta menjelaskan tujuan penyertaan di platform WhatsApp dan Telegram dan portal e-Pembelajaran. Para pelajar didapati teruja untuk mengikuti aktiviti di portal e-Pembelajaran.



Rajah 5. Contoh kaedah menyimpan rekod nama pelajar untuk log masuk WhatsApp & Telegram. Perhatikan perbezaan senarai di sebelah kiri dan kanan.

• Peringkat 2 – Panduan interaksi sosial dalam talian

Setelah mendapat penyertaan, pengkaji menetapkan peraturan-peraturan dan tindak balas yang diharapkan daripada pelajar. Antaranya adalah:-

- Mewajibkan pelajar memberi respons di portal e-Pembelajaran (penyertaan di saluran WhatsApp dan Telegram tidak diwajibkan).
- Pelajar tidak boleh sewenang-wenangnya membuat hantaran di Telegram kecuali apabila diminta oleh pensyarah.
- Pelajar bebas berkomunikasi di saluran WhatsApp, sebaiknya berkaitan kursus.

Pada peringkat ini pengkaji membantu pelajar membangunkan identiti sebagai individu atau kumpulan seperti berkongsi harapan serta mewujudkan norma-norma kumpulan. Para pelajar didapati menunjukkan kesedaran dan menghargai persekitaran interaksi sosial di dalam talian dan belajar untuk mengambil bahagian. Pemerhatian awal menunjukkan para pelajar melontarkan apa sahaja


bahan di saluran WhatsApp. Pengkaji membimbing pelajar untuk memastikan kewujudan kumpulan WhatsApp tidak mengganggu proses pembelajaran termasuk daripada aspek penggunaan bahasa serta mengelakkan isu-isu yang mungkin bersifat sensitif. Rajah 6 menunjukkan antara bahan tidak sesuai yang dilontarkan ke platform WhatsApp pada peringkat awal ia diperkenalkan. Tiada hantaran yang tidak berkaitan diperhatikan di Gelung Kedua.

• Peringkat 3 – Perkongsian maklumat

Pada peringkat ini pengkaji membimbing pelajar membuat carian, menapis dan menyemak kesahihan maklumat di internet sebelum dikongsikan dengan rakan-rakan. Matlamat pengkaji adalah untuk memimpin penyelidikan dan membantu pelajar mengenal dan mencari maklumat yang mereka benar-benar mahu terutamanya daripada aspek pencapaian hasil pembelajaran. Saluran WhatsApp dan Telegram membolehkan para pelajar berkongsi maklumat sebelum menyertai perbincangan di portal e-Pembelajaran (Rajah 7).



Rajah 6. Contoh bahan tidak berkaitan yang dimuat naik di WhatsApp.



Rajah 7. Contoh perkongsian maklumat kumpulan ECS2163 melalui bimbingan pensyarah.

7.3 Laporan Pelaksanaan Kajian Tindakan (Gelung Kedua)

Gelung Kedua adalah merujuk kepada (P4) Peringkat 4 – Pembinaan Pengetahuan dan (P5) Peringkat 5 – Pembangunan Pengetahuan.


• Peringkat 4 – Pembinaan pengetahuan

Pada peringkat ini skop pengetahuan dan kefahaman pelajar diperluas melalui input atau material yang dimuat naik di WhatsApp dan Telegram sama ada dalam bentuk berita, gambar, video dan sebagainya yang dapat dikaitkan kepada situasi sebenar dalam kehidupan atau industri. Hantaran diintegrasikan dengan beberapa aplikasi media sosial seperti YouTube, Renderforest, Plotagon, Biteable dan sebagainya. Contoh material yang dibina untuk merangsang penglibatan pelajar di portal e-


Pembelajaran melalui WhatsApp dan Telegram ditunjukkan di Rajah 8.

• Peringkat 5 – Pembangunan pengetahuan

Pada peringkat ini pengkaji meminimumkan penglibatan sebaliknya memberi kebebasan kepada pelajar untuk meneroka ilmu sesama sendiri. Pengkaji memantau pelajar meneruskan pembangunan diri melalui medium yang dibangunkan sebelum mereka diminta untuk melibatkan diri dalam sesi pembelajaran sebenar di portal e-Pembelajaran. Pada peringkat akhir ini tumpuan diberikan kepada penglibatan pelajar di portal e-Pembelajaran manakala cetusan-cetusan di WhatsApp dan Telegram dikurangkan. Platform WhatsApp dan Telegram memperkenalkan para pelajar kepada kuiz dalam talian yang kemudiannya dilaksanakan di portal e-Pembelajaran.



Rajah 8. Sebahagian daripada material pembelajaran dalam talian yang disalurkan kepada pelajar melalui WhatsApp & Telegram untuk merangsang penglibatan pelajar ke portal e-Pembelajaran.



Rajah 9. Kuiz di portal e-Pembelajaran diperkenalkan melalui aplikasi WhatsApp & Telegram.

8. Perbincangan

8.1 Objektif 1 – Meningkatkan keupayaan pensyarah menghasilkan material interaktif dan penglibatan pelajar di portal e-Pembelajaran

Objektif pertama kajian ini adalah untuk meningkatkan keupayaan pensyarah menghasilkan material untuk dimuat naik di media sosial dan portal e-Pembelajaran. Keupayaan pengkaji menghasilkan bahan pembelajaran berasaskan aplikasi media seperti Plotagon, Renderforest, Biteable dan Kahoot yang dimuat naik di YouTube serta mengadakan kuiz dalam talian memungkinkan berlakunya integrasi pembelajaran yang diharapkan sekali gus meningkatkan penyertaan pelajar di portal e-Pembelajaran. Jadual 1 menunjukkan peningkatan

